

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Khamis, 7 Mei 2026



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

BANCI EKONOMI 2026 : DATA NADI EKONOMI RAKYAT

BANCI EKONOMI 2026: PEMBANCIAN SEMUA SEKTOR EKONOMI MELIBATKAN HAMPIR 10,000 PERTUBUHAN PERNIAGAAN MENDORONG PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI PERLIS

KANGAR, 7 MEI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Negeri Perlis telah menganjurkan **Sesi Libat Urus Banci Ekonomi 2026 (BE 2026) bersama Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Perlis, pemegang taruh, persatuan perniagaan, pemain industri serta badan profesional** bagi mendapatkan sokongan dan kerjasama strategik berkaitan pelaksanaan BE 2026. BE 2026 bakal menjadi antara inisiatif pengumpulan data terbesar negara yang meliputi 1.34 juta pertubuhan. Daripada jumlah ini, Negeri Perlis akan meliputi hampir 10,000 pertubuhan perniagaan dengan melibatkan lima sektor utama iaitu Perkhidmatan, Pembuatan, Pembinaan, Perlombongan & Pengkuarian serta Pertanian.

Operasi BE 2026 sedang dilaksanakan di seluruh negara bermula Januari hingga Oktober 2026. Sesi libat urus ini telah dihadiri oleh lebih daripada 140 orang peserta dan dirasmikan oleh YAB Tuan Abu Bakar Hamzah, Menteri Besar Perlis. Turut hadir YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan YBrs. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (Pembangunan).

BE 2026 merupakan banci keenam sejak diperkenalkan pada tahun 2001 dan berfungsi sebagai sumber utama statistik struktur ekonomi negara. Banci ini bertujuan memperoleh maklumat yang holistik, komprehensif, relevan dan tepat pada masanya mengenai struktur serta ciri-ciri sektor ekonomi negara. BE 2026 dilaksanakan di bawah Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989) yang mana Seksyen 5 di bawah akta ini mengkehendaki mana-mana pertubuhan yang beroperasi di Malaysia untuk memberikan maklumat sebenar atau anggaran terbaik kepada Jabatan Perangkaan Malaysia.

BE 2026 turut menggunakan Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2025 yang selaras dengan piawaian antarabangsa, International Standard Industrial Classification (ISIC) terkini. Penggunaan klasifikasi baharu ini membolehkan aktiviti ekonomi moden seperti robotik, pusat data, tenaga boleh diperbaharui, aset digital, ekonomi kreatif dan perkhidmatan digital diklasifikasikan dengan lebih tepat. Pada masa yang sama, pelaksanaan BE 2026 juga mengambil kira rangka kerja System of National Accounts 2025 (2025 SNA) yang memberi penekanan kepada ekonomi digital, globalisasi, harta intelek, kelestarian alam sekitar serta kesejahteraan rakyat melangkaui ukuran KDNK semata-mata.

Selaras dengan agenda pendigitalan sektor awam, pelaksanaan BE 2026 turut memanfaatkan teknologi digital melalui penggunaan sistem e-Mikro, borang digital ringkas, portal komunikasi banci ekonomi serta platform dalam talian e-Economic Census. Inovasi ini bertujuan menjadikan proses pembancian lebih cekap, pantas dan mesra pengguna, di samping meningkatkan kualiti data yang dikumpul. Pendekatan ini juga mencerminkan transformasi Jabatan Perangkaan Malaysia sebagai institusi statistik yang progresif, berorientasikan teknologi dan lebih dekat dengan masyarakat serta pengguna data.

YAB Menteri Besar Perlis menyatakan bahawa menerusi pelaksanaan BE 2026, negara akan memiliki data *baseline* struktur ekonomi yang komprehensif dan terkini. Ini merupakan asas penting kepada penggubalan dasar berasaskan *statistical evidence*, sekali gus memperkukuh perancangan, pelaksanaan pembangunan ekonomi dan sokongan kepada sektor perniagaan, termasuk dasar yang lebih tepat untuk sektor mikro, kecil dan sederhana, serta untuk meningkatkan daya saing, produktiviti dan pendapatan pekerja. Beliau turut menyeru kepada semua para pemegang taruh, persatuan perniagaan,

pemain industri dan badan profesional untuk bersama-sama menjayakan pelaksanaan BE 2026 khususnya di Negeri Perlis.

Pelaksanaan BE 2026 juga selaras dengan dasar pembangunan Negeri Perlis meliputi Rancangan Struktur Negeri 2040 (Kajian Semula), Pelan Strategik Pembangunan Negeri Perlis dan Pelan Digital Perlis. Data yang dikumpul melalui banci ini akan menjadi input penting dalam penggubalan dasar fiskal, monetari, sosial dan pembangunan, di samping membantu kerajaan menilai keberkesanan program sedia ada.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin melalui sesi libat urus ini, beliau menyatakan keyakinan bahawa dengan semangat kolaborasi dan rasa tanggungjawab bersama, pelaksanaan Banci Ekonomi 2026 akan dapat direalisasikan dengan cemerlang, berimpak tinggi dan memberi manfaat yang menyeluruh kepada negara. Beliau turut menyeru agar semua pihak bersama-sama menjadikan pelaksanaan banci ini sebagai satu tanggungjawab nasional dalam usaha demi memperkukuh daya saing negara, memacu inovasi dan menjamin kemakmuran ekonomi Malaysia yang mampan, inklusif berdaya tahan.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin melalui sesi libat urus ini, beliau menyatakan bahawa kejayaan pelaksanaan BE 2026 bukan hanya terletak pada keupayaan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) semata-mata, tetapi juga bergantung kepada kerjasama padu daripada semua pihak. Setiap maklumat yang diberikan, setiap data yang dikongsikan, akan menjadi nadi kepada perancangan masa depan ekonomi negara. Ketepatan dan kelengkapan maklumat yang disumbangkan oleh setiap pertubuhan amatlah penting dalam memastikan dasar ekonomi yang digubal benar-benar berasaskan realiti dan keperluan semasa.

Pelaksanaan BE 2026 ini dilaksanakan mengikut tiga (3) Fasa iaitu Fasa Pertama, telah bermula pada Januari sehingga Februari 2026, melibatkan pengumpulan data bagi pertubuhan sektor informal dan mikro, Fasa Kedua, Mac hingga Jun 2026 merupakan tempoh utama pengumpulan data bagi pertubuhan mikro, kecil dan sederhana dan Fasa Ketiga, Jun hingga Oktober 2026 melibatkan pertubuhan sederhana dan besar. Sehingga kini, sebanyak 30 peratus pertubuhan perniagaan di Negeri Perlis telah selesai dibanci di bawah pelaksanaan operasi BE 2026 Fasa 1.

Secara keseluruhannya, BE 2026 merupakan satu usaha nasional yang penting dalam memperkukuh ekosistem data ekonomi negara. Dengan tema “Data Nadi Ekonomi Rakyat”, data yang berkualiti adalah asas kepada dasar yang berkesan kepada kesejahteraan rakyat serta kemakmuran negara. DOSM Perlis menyeru semua ‘pertubuhan perniagaan’ dan ‘pertubuhan tidak berasaskan keuntungan’ di Negeri Perlis memberikan kerjasama penuh sepanjang tempoh banci dilaksanakan bagi memastikan keberhasilan statistik yang berkualiti demi perancangan dan pembangunan ekonomi negara.

Maklumat lanjut berkaitan Banci Ekonomi 2026 boleh dilayari di laman Facebook Banci Ekonomi 2026 www.facebook.com/banciekonomi2026/.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
NEGERI PERLIS
7 MEI 2026

1. Pelaksanaan Banci Ekonomi 2026 (BE 2026) merangkumi 3 Fasa



2. Pertumbuhan & Sumbangan KDNK Negeri 2024 :

